

**PERSEPSI MASYARAKAT TENTANG ALAM SEKITAR DI WILAYAH  
PEMBANGUNAN EKONOMI PANTAI TIMUR (ECER)  
(PERCEPTION OF SOCIETY TOWARD ENVIRONMENT AT THE EASTERN CORRIDOR  
REGION (ECER))**

*ASMAWATI DESA, ARIFIN HJ ZANAL, HASNAH, MUSTAFA OMAR FUAD MD JALI &  
FATIMAH OMAR*

*ABSTRAK*

Persepsi tentang keadaan persekitaran termasuk persepsi keadaan alam sekitar umum dan setempat dan persepsi tentang pelbagai masalah alam sekitar yang spesifik Pembangunan, pertanian, pembalakan dll aktiviti banyak menjejaskan alam sekitar terutama di kawasan-kawasan yang strategik seperti kawasan peranginan, tasik, pantai, laut dll. Keadaan alam sekitar secara tidak langsung dapat mempengaruhi kualiti hidup masyarakat. Kajian berbentuk tinjauan ini dijalankan bagi mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap alam sekitar di wilayah ECER, yang melibatkan masalah seperti ancaman banjir, pencemaran udara, air, bunyi dll. Seramai 1793 orang, daripada negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu telah terlibat dalam kajian ini. Dapatan menunjukkan bahawa nilai min indeks alam sekitar keseluruhan bagi wilayah ECER adalah 0.4874. Jika mengikut negeri indeksinya adalah seperti berikut: Pahang 0.5441, Kelantan 0.4685 dan Terengganu 0.4502. Manakala lima sumber pencemaran (ikut turutan) - pencemaran udara, ancaman banjir, pencemaran bunyi, pencemaran sampah sarap dan pencemaran air. Kalau dirujuk kepada indeks alam sekitar yang diperolehi ia menggambarkan tahap keseriusan masalah alam sekitar di wilayah ECER adalah agak tinggi.

*Kata kunci:* alam sekitar; pembangunan ekonomi; pencemaran.

*ABSTRACT*

The perception on environmental conditions, includes the perception toward general and local environment; and perception on various environmental problems such as development, agriculture, logging and other activities have damaged the environment especially at strategic areas such as holiday destinations, lakes, beaches, oceans etc.. The condition of the environment is indirectly affecting the society's quality of life. This observation-based study is conducted to identify the society's perception on the environment at the ECER region; which includes the threat of flooding, air, water and sound pollution and others. There were 1793 respondents from the states of Kelantan, Pahang and Terengganu involved in this study. Results show that the mean of the environmental index at the ECER region is at 0.4874. In terms of state: Pahang is at 0.5441, Kelantan at 0.4685 and Terengganu at 0.4502. Meanwhile, the five sources of pollution (in order) – air pollution, threat of flood, noise pollution, waste pollution and water pollution. In reference to the environmental index obtained, it shows that the ECER region's environmental problem is quite serious.

*Keywords:* environment, economic development, pollution

## 1. Pengenalan

Sejak 1970an, terdapat banyak percubaan untuk mengukur bagaimana persekitaran dan kemajuan mempengaruhi kesihatan dan kesejahteraan individu, yang secara umumnya merujuk kepada kualiti hidup. Konsep kualiti hidup memainkan peranan utama dalam disiplin yang melibatkan polisi, sosial, sains dan kebajikan. Konsep kualiti hidup merujuk kepada pengumpulan indikator yang menerangkan tentang kesejahteraan individu. Selain daripada komponen yang boleh diukur seperti anggaran taraf kehidupan (pendapatan per kapita), kualiti kehidupan juga melibatkan komponen yang abstrak seperti kegembiraan, inovatif dan kebebasan politik dan ekonomi. Jadi kualiti hidup bukan sahaja melibatkan aspek material, tetapi juga aspek kehidupan seperti kesihatan dan peluang untuk rekreasi dan bermain.

Konsep kualiti hidup melibatkan keseluruhan masyarakat dan sistem sosial berubah daripada satu keadaan kehidupan yang diperepsi sebagai tidak memuaskan kepada satu situasi hidup yang secara umum dianggap lebih baik

Walaupun tidak terdapat satu kepastian tentang makna kualiti hidup, namun ia dapat didefinisi sebagai darjah kesejahteraan, kepuasan dan taraf hidup (Dasimah Omar 2006). Kualiti hidup jika dirujuk kepada definisi oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dikatakan sebagai persepsi individu tentang kedudukan mereka dalam hidup dalam konteks sistem budaya dan nilai yang berhubung dengan matlamat, jangkaan, standard dan perhatian mereka (WHO 1995). Ia adalah satu konsep yang luas yang merangkumi kesihatan fizikal, keadaan psikologikal, tahap kebebasan, hubungan sosial, kepercayaan peribadi dan hubungan dengan ciri-ciri persekitaran yang penting.

Terdapat 3 pendekatan falsafah yang telah diidentifikasi dalam menentukan kualiti hidup. 1. menerangkan ciri-ciri kehidupan yang baik yang digariskan oleh ideal norma berasaskan keagamaan, falsafah dan sistem lain. Jika mengikut pendekatan ini, mungkin kita akan berpendapat bahawa kehidupan yang baik termasuk menolong orang lain kerana perbuatan begini didorong oleh prinsip agama kita. 2. berdasarkan kepuasan yang diutamakan. Andaian yang dibuat dalam pendekatan ini adalah orang akan memilih perkara-perkara yang meningkatkan kualiti hidup mereka. Jika mengikut pendekatan ini pemilihan orang adalah dipengaruhi oleh pemikiran ekonomi. 3. kualiti hidup juga boleh didefinisi sebagai pengalaman individu. Jika seseorang mempunyai pengalaman hidup yang baik dan menyukakan, dia dianggap mengalami kualiti hidup yang juga sebegitu. Dalam pendekatan ini faktor seperti perasaan gembira, seronok, kepuasan hidup, bahagia dan ketenangan adalah penting. Pendekatan ini diasosiasikan dengan perspektif dengan kesejahteraan subjektif yang banyak digunakan dalam psikologi dan sains tingkah laku.

Pengukuran kualiti hidup yang menggunakan indikator telah dijalankan sejak 50 tahun yang lalu. Sebahagian indikator telah digunakan dengan meluas seperti Indikator Ekonomi untuk mengenalpasti prestasi ekonomi dan Indikator Sosial untuk mengukur keseluruhan keadaan dan pembangunan sosial. Indikator Ekonomi memfokus material dan merujuk kepada pendapatan kebangsaan. Manakala Indikator Sosial dikembangkan untuk mengukur keadaan sosial. Ini termasuk indikator objektif dan subjektif. Indikator sosial objektif memberi perhatian kepada tahap keperluan asas telah dipenuhi, manakala indikator sosial subjektif melibatkan persepsi ahli masyarakat terhadap kualiti hidup mereka. Pelbagai alat ujian telah dikenalpasti untuk mengukur kualiti hidup, contohnya indeks kualiti hidup fizikal yang cuba mengukur kualiti hidup atau kesejahteraan sesebuah negara yang melibatkan purata 3 ukuran iaitu kadar kenal huruf, kematian bayi dan jangkaan hidup pada umur 1 tahun. Satu lagi metod untuk mengukur perbezaan kualiti hidup adalah dengan mengenalpasti perbezaan taraf hidup.

Alternatif kepada pendekatan-pendekatan yang utama tadi terdapat percubaan mengukur aspek bukan-ekonomi kualiti hidup. Pendekatan ini menghubungkan pembolehubah ekonomi dengan sosial dan persekitaran untuk menghasilkan alat pengukuran yang komprehensif dan tepat. Kualiti hidup subjektif melibatkan dimensi yang merangkumi persepsi, penilaian dan penghargaan tentang hidup dan keadaan hidup oleh individu.

Dalam bidang persekitaran antara komponen yang terlibat adalah kualiti udara, sungai yang bersih dan hutan yang terpelihara. Kualiti persekitaran semulajadi dianggap berhubung secara terus dengan kualiti hidup manusia (Quality of Life in 12 of the New Zealand's Cities 2007). Kualiti persekitaran tidak kurang pentingnya kerana pertumbuhan populasi dan ekonomi akan memberi tekanan kepada kelestarian persekitaran semula jadi. Pembangunan kawasan luar bandar menjadi kawasan maju akan memberi kesan kepada ekosistem semulajadi daratan dan lautan. Isu-isu seperti pencemaran persekitaran, pembuangan dan penyelenggaraan bahan buangan adalah penting untuk diberi perhatian bila kawasan luar bandar berkembang dan membangun.

Universiti Yale pada tahun 2005 telah mencipta Environmental Sustainability Index, yang kemudiannya dibaik tambah oleh Universiti Yale dan Columbia (2006) dan dinamakan sebagai Environmental Performance Index (EPI). Mengikut EPI (2006), Malaysia adalah di kedudukan yang ke-9, selepas New Zealand, Sweden, Finland, Republik Czech, UK, Austria, Denmark dan Kanada. Namun begitu laporan tahun 2008 menunjukkan kedudukan Malaysia menurun ke 26 dengan nilai EPI 84%.

## **2. Kualiti hidup Malaysia**

Di Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (2005) telah menerbitkan laporan Kualiti Hidup Malaysia 2004. Ini menunjukkan keutamaan yang diberikan kepada kualiti hidup. Di samping itu terdapat pandangan agar terdapat keseimbangan di antara pembangunan dan kesejahteraan (Abdul Rahman Embong 2003), dan perhatian diberi kepada kesejahteraan dan bukan kepada aspek kewangan sahaja (Diener & Seligman 2004). Kualiti hidup Malaysia merangkumi kemajuan peribadi, cara hidup yang sihat, kebolehcapaian dan kebebasan untuk mencari ilmu pengetahuan, dan taraf hidup yang standard yang melebihi daripada keperluan asas dan keperluan psikologikal individu, untuk mencapai kesejahteraan sosial yang selari dengan aspirasi negara (Unit Perancang Ekonomi 1999).

Bagi mengukur perubahan dalam kualiti hidup, telah dicipta Indeks kualiti hidup Malaysia (MQLI). MQLI adalah satu pengukuran komposit berasaskan 10 bidang pilihan: pendapatan dan distribusi, kehidupan bekerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, persekitaran, kehidupan keluarga, partisipasi sosial dan keselamatan awam. Bidang-bidang ini dianggap sama penting bagi memperoleh kesejahteraan dan kualiti hidup populasi. Sebanyak 38 indikator telah pilih berdasarkan kepentingannya.

Dalam rangka untuk meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk terutama dari aspek pendapatan dan distribusi, maka pada bulan Oktober 2007, kerajaan telah melancarkan satu lagi projek pembangunan wilayah yang dikenali sebagai Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang mempunyai lima misi. Satu daripadanya ialah untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk di wilayah tersebut. Tujuh strategi teras telah dikenalpasti untuk menjayakan projek ECER yang berkaitan dengan perumahan, kesihatan, sistem pengangkutan, tenaga, alam sekitar, budaya dan keselamatan.

### 3. Tujuan kajian

Kajian berbentuk tinjauan ini dijalankan bagi mengenalpasti persepsi masyarakat terhadap alam sekitar di wilayah ECER, yang melibatkan masalah seperti ancaman banjir, pencemaran udara, air, bunyi dll. Selain daripada itu pengkaji juga ingin mengenalpasti indeks alam sekitar bagi wilayah ECER, yang melibatkan negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

### 4. Metod kajian

Seramai 1800 orang, daripada negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu telah terlibat dalam kajian ini. Pembahagian terperinci subjek adalah seperti Jadual di bawah:


Jadual 1: Bilangan subjek mengikut negeri

Negeri	Bilangan (orang)
Kelantan	600
Terengganu	599
Pahang	594

Kajian lapangan melibatkan satu set soal selidik yang mempunyai 2 bahagian. Bahagian 1 adalah mengenai maklumat demografik subjek, manakala bahagian 2 adalah soal selidik mengenai indeks kualiti hidup dan kesejahteraan insan. Soal selidik mengenai indeks kualiti hidup ini mengandungi 5 domain dan 18 sub domain. Domain yang utama adalah kesejahteraan material dan ekonomi, sosial dan budaya, kesejahteraan psikologi dan modal insan, integriti dan keselamatan dan kesejahteraan fizikal dan persekitaran. Dalam kajian ini fokus adalah kepada kesejahteraan fizikal dan persekitaran yang mempunyai 5 sub domain iaitu alam sekitar, kesempaan dan kebolehcapaian perkhidmatan, perumahan dan persekitaran kediaman, infrastruktur dan utiliti awam dan pengangkutan dan perhubungan. Namun begitu hanya satu sub domain iaitu alam sekitar yang akan dibincangkan. Sub domain alam sekitar ini merangkumi 8 komponen iaitu ancaman banjir, pencemaran bunyi (kebisingan), pencemaran udara (bau, asap, habuk), pencemaran air (berkeladak, berwarna, berbau), pencemaran sampah sarap, kejadian tanah runtuh/hakisan tanah/pantai, pencemaran radiasi, pencemaran industri (sisa industri) dan kemusnahan kawasan hutan. Respon kepada soal selidik adalah berdasarkan skala Likert 3 poin iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

### 5. Keputusan

Dapatan menunjukkan bahawa nilai min indeks alam sekitar keseluruhan bagi wilayah ECER adalah 0.4874. Jika mengikut negeri indeksinya adalah seperti berikut: Pahang 0.5441, Kelantan 0.4685 dan Terengganu 0.4502 (Rujuk Rajah 1).



Rajah 1: Indeks alam sekitar untuk negeri-negeri di wilayah ECER

Manakala lima sumber pencemaran (ikut turutan) seperti yang dipersepsi oleh para penduduk adalah pencemaran udara, ancaman banjir, pencemaran bunyi, pencemaran sampah sarap dan pencemaran air. Tahap keseriusan masalah alam sekitar di wilayah ECER mengikut pendapat penduduk yang dikaji adalah agak tinggi.

## 6. Perbincangan

Pembangunan kawasan luar bandar menjadi kawasan maju akan memberi kesan kepada ekosistem semulajadi daratan dan lautan. Isu-isu seperti pencemaran persekitaran, pembuangan dan penyelenggaraan bahan buangan adalah penting untuk diberi perhatian bila kawasan luar bandar berkembang dan membangun. Indeks alam sekitar yang diperolehi daripada kajian ini menggambarkan bahawa keadaan alam sekitar mengikut persepsi penduduk di kawasan-kawasan yang dikaji adalah rendah kualitinya. Oleh itu apabila projek ECER ingin dilaksanakan maka perhatian serius harus diberikan kepada alam sekitar agar kualiti yang dianggap rendah oleh masyarakat setempat tidak menjadi semakin rendah. Malah adalah diharapkan agar projek pembangunan tersebut akan membantu meningkatkan kualiti alam sekitar di kawasan-kawasan tersebut.

Kajian ini juga telah mengenalpasti permasalahan semasa dan mengidentifikasi isu persekitaran yang prioriti iaitu lima sumber pencemaran (ikut turutan) seperti yang dipersepsi oleh para penduduk. Mengikut mereka pencemaran udara, ancaman banjir, pencemaran bunyi, pencemaran sampah sarap dan pencemaran air merupakan isu yang harus diberi perhatian. Pencemaran-pencemaran yang telah para penduduk senaraikan ini mungkin menyumbang kepada kualiti alam sekitar yang merosot.

Tujuan Indeks Kualiti Hidup adalah untuk menyediakan alat untuk pembangunan komuniti yang boleh digunakan untuk memantau indikator utama yang melibatkan dimensi kualiti alam sekitar. Ini ialah kerana persekitaran semula jadi yang sihat menyumbang kepada kesihatan orang ramai (Quality of Life survey 2007). Contohnya, pencemaran udara akan mengurangkan keupayaan menahan jangkitan penyakit yang akan menambahkan bilangan yang masuk hospital dan bahagian kecemasan, ketidakhadiran ke sekolah, hilang hari bekerja dan aktiviti yang terhad. Misalnya, pengeluaran asap daripada kenderaan bermotor dan sumber pencemaran udara yang lain seperti industri telah dikaitkan dengan sebanyak 1,100 kematian pramatang setiap tahun di New Zealand. Begitu juga air yang

tercemar di kawasan peranginan juga berhubung dengan masalah kesihatan manusia, seperti sakit perut dan intestin, demam dan selsema dan infeksi kulit, mata dan telinga. Pembuangan bahan buangan yang tidak efektif pula akan menghasilkan pencemaran air, udara dan tanah dan kehilangan biodiversiti.

Salah satu daripada tujuh strategi teras yang telah dikenalpasti untuk menjayakan projek ECER adalah berkaitan dengan alam sekitar. Oleh itu adalah diharap dan dijangkakan bahawa perhatian serius akan diberikan kepada aspek alam sekitar supaya pembangunan ekonomi yang pesat tidak mengabaikan dan mengorbankan alam sekitar. Ini ialah kerana walaupun pembangunan negara kita menunjukkan kekuatan tertentu namun terdapat satu kelemahan pokok iaitu pembangunan yang tidak seimbang antara material dan bukan material (Abdul Rahman Embong 2006). Abdul Rahman Embong (2006), juga berpendapat bahawa pokok pangkal pembangunan ekonomi dan kemajuan sains dan teknologi ialah manusia itu sendiri dengan segala kepelbagaian budaya dan agama serta keterikatan mereka dengan alam sekitar. Oleh itu apapun strategi dan program pembangunan yang dilaksanakan harus mengambil kira manusia itu sendiri, supaya pembangunan itu mesra manusia dan dapat meningkatkan kesejahteraan serta kualiti hidup mereka.

## 7. Kesimpulan

Indeks alam sekitar yang diperolehi di kawasan ECER sebelum projek-projek baru dilancarkan diharap dapat membantu pihak yang berkenaan mengenalpasti masalah semasa dan apakah isu alam sekitar yang perlu diberi keutamaan. Walaupun indeks yang dikemukakan ini hanya merupakan persepsi masyarakat namun ia perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

## Rujukan

- Abdul Rahman Embong. 2003. *Pembangunan dan kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan abad ke 21*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Rahman Embong. 2006. *Pembangunan insan dalam agenda pembangunan negara*. Kertas Plenari di Seminar Kebangsaan "Psikologi dalam pemerkasaan pembangunan komuniti" Kuala Lumpur.
- Dasimah Omar. 2006. *Sustainable Development and Local Agenda 21: The Role of Local Authorities in Malaysia, The Proceedings International Conference On Local Government*:Majlis Tindakan Ekonomi Sabah and Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah.
- Diener, E. & Seligman, M. 2004. Beyond money: Toward an economy of well-being. *Psychological Science in the Public Interest*,15(1).
- EPI. 2006. Yale Center for Environmental Law and Policy.
- Quality of Life survey.2007. Report of Quality of Life in 12 of the New Zealand's Cities.
- Unit Perancang Ekonomi (EPU), 1999. *Kualiti Hidup Malaysia*
- Unit Perancang Ekonomi (EPU). 2005.*Kualiti Hidup Malaysia 2004*.
- World Health Organization (1995). Resources for new WHOQOL centers. WHO, Geneva.